

# MENGAPAKAH ADA KEBENCIAN?

MOHD MAKZAN MUSA

Pensyarah Jabatan Psikologi dan Kauseling, Pusat Pengajian  
Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.

**D**EMONSTRASI jalanan BERSIH pada 29 dan 30 Ogos lalu dan Perhimpunan Rakyat Bersatu (PESAKA) pada 16 September lalu di Kuala Lumpur dengan ketara sekali memperlihatkan perhubungan kaum di Malaysia semakin rapuh. Polarisasi kaum semakin luas jurangnya. Kedua-dua demonstrasi jalanan ini diibaratkan isyarat betapa perhubungan antara kaum semakin berada dalam keadaan genting dan meresahkan.

Kedua-dua demonstrasi tersebut berada dalam keadaan yang paling buruk sekali selepas tragedi 13 Mei 1969. Tragedi tersebut merupakan tragedi berdarah yang berlaku kesan daripada sentimen kebencian antara kaum yang terburuk yang tidak dapat dilupakan dalam sejarah Malaysia yang berlaku 12 tahun selepas merdeka.

Sentimen kebencian antara punca berlakunya pergolakan antara kaum di Malaysia.

Psikologi kebencian yang meluap-luap menjadikan individu daripada pelbagai latar belakang bertindak secara negatif terhadap kaum lain dalam banyak aspek. Kesan kebencian antara kaum menghalang perpaduan antara kaum dan menjadikan kehidupan mereka terkongkong dalam lingkungan sendiri.

Dari perspektif psikologi sosial,

tingkah laku kebencian memperlihatkan sebahagian daripada emosi sosial kemarahan yang ditujukan kepada individu daripada latar belakang yang berbeza. Benci dari perspektif psikologi memperlihatkan kebencian sebagai suatu bentuk tingkah laku agresif yang menjurus pergaduhan. Di samping memperlihatkan emosi sosial yang berkaitan dengan kemarahan dan disusuli dengan tindakan tidak sopan dan biadab, ada individu yang membenci individu lain menjauhkan diri atau mengelakkan dan melarikan diri daripada individu ataupun kelompok yang dibenci. Akibat kebencian terhadap individu ataupun kaum lain, hal tersebut membangkitkan cetusan rasa takut, bimbang, khuatir, tidak selamat, dan tidak mendapat apa-apa yang dimahukan dalam kehidupan peribadi dan profesional.

Dalam Perang Dunia Kedua, banyak suku kaum berketurunan Yahudi di Jerman yang dikuasai Hitler memperlihatkan kebencian mereka dengan tidak melawan balik, tetapi tetap memusuhi Hitler dengan melarikan diri ke negara Eropah lain dan Amerika Syarikat. Kebencian yang disusuli dengan tindakan melarikan diri ini juga berlaku disebabkan mereka dibenci oleh Hitler dan bala tenteranya yang lebih berkuasa.

Kebencian, menurut ahli psikologi, Kernberg, boleh digamatkan lagi dengan niat untuk membalas dendam dan menjadikan kebencian sebagai tingkah



Rasa cinta akan negara tidak wajar dimanipulakan melalui perhimpunan BERSIH.

NOVEMBER 2015 DEWAN MASYARAKAT

Psychology - Human Behaviour


pg : 13-15

Ur : 0000274755

PSY 2015/A05



Perhimpunan PESAKA dengan menggunakan warna merah bertindak secara simbolik sebagai tanda amaran, protes, dan sebagai wakil suara kaum Melayu terhadap apa-apa yang dilakukan oleh demonstrasi BERSIH.



laku agresif yang kompleks sifatnya. Matlamat utama kebencian yang berbaur dengan niat dan keinginan untuk membalas dendam bertujuan untuk menyisih dan menghindari sentimen permusuhan kepada pihak yang sangat dibenci. Kebencian sebegini bertolak daripada pandangan negatif terhadap individu dan kaum yang dibenci yang turut berbaur dengan perasaan negatif yang membuak-buak. Dalam konteks ini, kebencian melibatkan kedua-dua aspek emosi, kognitif dan tingkah laku.

Emosi yang kerap dikaitkan dengan kebencian melibatkan tidak suka, marah, takut, dan niat untuk melakukan keganasan. Dari aspek kognitif pula, kebencian termasuklah memandang rendah dan wujudnya persepsi terhadap pihak lawan sebagai tidak baik dan mengancam diri dan kaum masing-masing. Kebencian dan hubungannya dengan tingkah laku mendorong tindakan untuk menghindari diri daripada berinteraksi dengan kaum yang tidak disukai. Keadaan emosi, kognitif, dan tingkah laku kesan daripada gejala kebencian ini menggalakkan berlakunya keganasan dan pembunuhan, termasuk pembunuhan beramai-ramai sebagaimana yang dilakukan oleh Hitler terhadap enam juta orang Yahudi dalam Perang Dunia Kedua.

Kebencian dalam konteks yang lebih besar dipengaruhi fahaman politik, kewarganegaraan dan kelas sosial. Perbandingan "kelompok kita" dengan "kelompok mereka", menjadi punca

**Kebencian turut mencetuskan pandangan bahawa kelompok mereka berbahaya, rendah martabat, dan hina dengan segala keburukan yang ada.**

timbulnya kebencian akibat daripada prasangka buruk antara kaum. Rentetan hal ini, kebencian turut mencetuskan perbezaan pandangan bahawa kelompok mereka berbahaya, rendah martabat, dan hina dengan segala keburukan yang ada.

Tindakan memandang rendah kelompok mereka akan turut mendorong berlakunya eksploitasi, diskriminasi, penindasan, dan mengganggu-gugat kelompok atau individu yang dibenci. Kebencian antara kaum semakin gawat apabila individu atau kelompok yang dibenci dilabel dengan stereotaip negatif, seperti Melayu pemalas, Cina menipu apabila berniaga, India cakap putar belit, jangan percaya atau jangan bagi muka kepada pendedatang asing tanpa izin ternyata menyemarakkan lagi fenomena kebencian antara kaum.

Keadaan menjadi lebih parah apabila ada individu yang tidak pernah menjalin apa-apa perhubungan sosial dan jauh sekali bersahabat dengan kaum lain. Keadaan ini berlaku kerana tumpuan hanya berlegar pada kekurangan dan kelemahan antara kaum. Kebaikan dan keikhlasan kaum yang lain langsung diketepikan dan tidak diendahkan. Generalisasi yang sama rata dibuat bahawa semua kaum yang menjadi sasaran kebencian adalah tidak baik, mendatangkan pelbagai masalah, dan mereka mesti dihindari serta lebih teruk, mereka perlu dihapuskan.

Pandangan dan sikap yang keterlaluan kerana kebencian ini mencetuskan sentimen

negatif yang menyemarakkan api perkauman. Lantaran itu, segala keburukan yang ada menyelubungi minda dan emosi terhadap kaum yang dibenci. Apabila kebencian menguasai minda terhadap individu dan seluruh kelompok kaum yang lain, maka sudah tentu sukar untuk mencapai perpaduan.

Sentimen perkauman juga boleh berpunca daripada tingkah laku iri hati. Nikmat kesenangan, kemewahan, dan layanan istimewa yang dinikmati kaum tertentu, tetapi tidak pada kaum sendiri menyemarakkan lagi sentimen kebencian. Kelebihan kaum lain menikmati gaya kehidupan yang lebih baik menjarakkan lagi perhubungan antara kaum. Kebencian tersebut dipersiapkan sebagai mengambil hak milik mereka.

Yang diperlihatkan melalui demonstrasi jalanan BERSIH yang rata-rata didominasi kaum Cina yang bertunjangkan ideologi parti politik, antaranya Parti Tindakan Demokratik (DAP), yang mendakwa tidak dapat menerima cara tadbir urus negara yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dikepalai UMNO yang terdiri daripada orang Melayu.

Kaum Cina yang menyokong ideologi DAP rata-rata mencari dan membesar-besarkan segala keburukan dan kelemahan pemerintah. Kemakmuran, kemajuan, dan kejayaan negara hasil usaha parti pemerintah dipandang sepi dan tidak dihargai. Mereka rata-rata menolak pemimpin dan ideologi BN. Akibat daripada perbuatan ahli BERSIH yang tidak menghormati pemimpin Melayu, hal tersebut membangkitkan kemarahan orang Melayu. Hal itu ternyata tidak berakhir apabila perhimpunan PESAKA dengan menggunakan warna merah bertindak secara simbolik sebagai tanda amaran, protes, dan wakil suara kaum Melayu terhadap apa-apa yang dilakukan oleh demonstrasi BERSIH.



Peserta demonstrasi sengaja menimbulkan provokasi memburukkan pemimpin dan kerajaan.

Dari sudut psikologi, sememangnya kita lebih selesa dengan kaum kita sendiri. Setelah segala urusan keperluan diri dan keluarga terdekak kita dapat dipenuhi, biasanya kita akan mendahului kaum kita sendiri. Setelah kehendak, keperluan dan keinginan kaum sendiri dapat dipenuhi, maka barulah kita beralih kepada kaum yang lain. Hal ini realiti yang berlaku di seluruh dunia dalam pelbagai tamadun silam.

Secara zahirnya, persekitaran sosial di Malaysia pada hari ini nampak bergolak. Hal ini disemarakkan lagi dengan hasutan menerusi media sosial yang menjadi penghubung utama pada hari ini. Kekeruhan perhubungan antara kaum yang ketara memperlihatkan polarisasi antara kaum turut melebar. Bermacam-macam tohmahan, cacian, dan penghinaan bertolak daripada sentimen kebencian turut muncul. Keparahan sentimen kebencian atas dasar perkauman di Malaysia memang tidak mudah dibendung, apatah lagi sentiasa ada pihak yang akan terus melaga-lagakan kaum menerusi pelbagai cara.

Menerusi demonstrasi jalanan, dapat diperhatikan bahawa mereka yang terlibat diselubungi sentimen kebencian dan perkauman yang cukup tebal. Disebabkan terlalu emosional, ada yang bertindak di luar batasan, seperti memijak gambar pemimpin tanpa segan silu, walhal perbuatan tersebut bukanlah budaya rakyat di negara ini. Hal ini belum mengambil kira perbuatan mereka yang merusuh dan merosakkan harta benda awam sehingga menjejaskan ketenteraman yang selama ini kita kecapi.

Apa-apa yang berlaku menerusi demonstrasi jalanan dan sentimen perkauman yang terus menebal menimbulkan persoalan, adakah perpaduan antara rakyat berbilang kaum di Malaysia dapat dipertahankan setelah 58 tahun Malaysia merdeka? ■